

01/03/1997

Gambaran jelas tangani pelbagai isu ekonomi

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, sektor awam dan swasta kini mempunyai gambaran lebih jelas mengenai usaha yang mereka harus lakukan bagi menangani pelbagai isu ekonomi, termasuk defisit imbalan pembayaran.

Ini ekoran mesyuarat Majlis Perniagaan Malaysia yang dihadiri tokoh utama korporat di Bank Negara di Kuala Lumpur, semalam.

Ketika bercakap selepas mesyuarat tiga jam itu, Perdana Menteri berkata, majlis itu mengkaji pelbagai kertas kerja berkaitan defisit imbalan pembayaran negara.

"Penurunan defisit perdagangan negara turut di perjelaskan dan ini disebabkan sebahagiannya oleh kejatuhan nilai yen," katanya.

Malaysia mencatat defisit perdagangan RM618 juta, kurang RM8.7 bilion atau 93.4 peratus berbanding defisit RM9.4 bilion pada 1995.

Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Perdana Menteri itu turut membincangkan laporan Bank Negara mengenai industri perkhidmatan dan tindakan yang perlu diambil dalam sektor pengangkutan, perkapalan dan insurans bagi menjadikan masing-masing lebih berkesan.

"Beberapa kaedah sudah dicadangkan bagi mengatasi masalah berhubung perdagangan," kata Dr Mahathir.

Turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Menteri Luar, Datuk Abdullah Ahmad Badawi; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Perusahaan Utama, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik; Menteri Kerja Raya, Datuk Seri S Samy Vellu; Menteri Pembangunan Usahawan, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar; Ketua Setiausaha Negara, Datuk Halim Ali; dan Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan, Tan Sri Clifford Herbert.

Yang lain ialah Gabenor Bank Negara, Datuk Ahmad Mohd Don; Pengerusi Permodalan Nasional Bhd, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid; Pengerusi Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kebangsaan, Tan Sri Yahaya Ahmad; Pengerusi Malaysia Airlines, Tan Sri Tajudin Ramli; pemegang utama saham Binariang Sdn Bhd, Ananda Krishnan; dan Pengerusi Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (Isis), Datuk Dr Noordin Sopiee.

Pengarah Urusan YTL Corporation, Datuk Francis Yeoh, menyifatkan mesyuarat itu sebagai amat berguna bagi membolehkan sektor awam dan swasta mendapat maklumat balas.

Mesyuarat itu membolehkan sektor swasta mengetahui pendirian kerajaan berhubung pelbagai dasar dan juga bagi membolehkan kerajaan menilai cadangan sektor swasta secara pragmatik, katanya.

Sebagai contoh, kata Yeoh, jika kerajaan mahu memperkenalkan sebarang peraturan, sektor swasta dapat menyediakan inputnya.

Yeoh berkata, mesyuarat itu turut membincangkan tanggungjawab sosial sektor swasta dalam pembangunan negara.

"Sektor swasta mungkin mempunyai banyak cadangan (mengenai perniagaan) tetapi kadang kala ia mungkin lari daripada aspirasi berhubung tanggungjawab sosial. Jadi, tanpa memberi tumpuan semata-mata terhadap isu ekonomi, mesyuarat diberitahu bahawa sektor swasta harus menumpukan juga kepada gejala sosial yang negara sedang hadapi," katanya.

Pengarah Urusan Mesiniaga Sdn Bhd, Ismail Sulaiman, pula berkata Dr Mahathir bercakap mengenai pentingnya teknologi maklumat dan Koridor Raya Multimedia. - Bernama

(END)

